

EVOLUSI SEJARAH PERKEMBANGAN PENDIDIKAN ISLAM DI NEGERI SELANGOR DARI ABAD KE-18 SEHINGGA 1940-AN)

Evolution of History of Islamic Education Development in the State of Selangor (1894- 1940s)

Zaihan Hairuzialani Mat Jusoh
Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid
Zaharah Hussin
Yuszaimi Muslil
Mohammad Shihabuddin Nor Rodin

ABSTRACT

Islamic education in the state of Selangor has grown since the 18th century, however, the developments differ from one century to another. To discuss the matter two objectives have been outlined. (1) To produce the historical theme of Islamic Education development in Selangor from 1894, the development of Islamic Education in the state of Selangor from the 18th century was first discussed. (2) Discuss the history of Islamic Education development in the state of Selangor from the 1900s to the 1940s. Secondary sources beside primary sources will be referred to as sources of information for the writing of this article, including updates on the history information of the Selangor religious schools of the 1990s, teachers' files from the 1940s, minutes of meetings and interviews. The conclusion can be summarized that the historical themes of the development of Islamic Education in the state of Selangor from the 18th century until the 1940s have shaped three evolution through the aspect of curriculum aspect and infrastructure development.

Keywords: *Malaysian history, traditional educational, Islamic Education Curriculum*

ABSTRAK

Pendidikan Islam di negeri Selangor telah berkembang semenjak abad ke-18 lagi, perkembangan tersebut berbeza dari satu abad ke satu abad yang lain. Untuk membincangkan perkara tersebut dua objektif telah digariskan. (1) Untuk menghasilkan tema sejarah perkembangan Pendidikan Islam di Selangor dari tahun 1894, perkembangan Pendidikan Islam di negeri Selangor dari abad ke-18 terlebih dahulu dibincangkan. (2) Membincangkan sejarah perkembangan Pendidikan Islam di negeri Selangor era tahun 1900 sehingga 1940-an. Sumber-sumber sekunder disamping sumber primer akan dirujuk sebagai sumber maklumat bagi penulisan artikel ini, ianya termasuklah borang-borang pengemaskinian maklumat sejarah sekolah agama Selangor era 1990-an, fail-fail guru dari tahun 1940-an, minit mesyuarat dan juga temubual. Kesimpulannya dapat dirumuskan bahawa tema-tema sejarah perkembangan


Pendidikan Islam di negeri Selangor dari abad ke-18 sehingga era 1940-an telah membentuk dua evolusi menerusi aspek kurikulum dan pembangunan infrastruktur pendidikan .

Kata kunci: Sejarah Malaysia, sejarah pendidikan tradisional, Kurikulum Pendidikan Islam, Pendidikan Islam Selangor

PENDAHULUAN

Secara teorinya pengaruh dakwah dan perkembangan Islam berasaskan faktor geografi sesebuah tempat¹. Berdasarkan pengamatan penyelidik daripada tulisan Abdullah Ishak² Islam mula berkembang di daerah-daerah negeri Selangor dalam lingkungan kurun ke 14. Walaupun demikian, faktor geografi negeri Selangor yang lebih hampir dengan jajahan kerajaan Melaka dan kerajaan Islam Samudera-Pasai³ ada kemungkinan dakwah Islam sudah tersebar sejak abad ke-13 lagi⁴. Fakta sejarah ini juga merumuskan bahawa teori kemasukan Islam ke negeri Selangor memainkan peranan penting dalam mencorakkan perkembangan institusi pendidikan Islam di negeri Selangor dalam abad-abad seterusnya. Walaubagaimanapun, dapatan kajian ini telah mendapati abad ke-18 iaitu bermula dari tahun 1894 sehingga tahun 1940-an adalah era yang paling dominan dalam memartabatkan sistem Pendidikan Islam di negeri Selangor. Malah hasil dapatan kajian penyelidik juga telah memperlihatkan tema perkembangan Pendidikan Islam di negeri Selangor dalam tempoh enam puluh tahun tersebut telah membentuk dua evolusi iaitu menerusi aspek kurikulum dan aspek pembangunan infrastruktur. Dua evolusi tersebut ialah evolusi pendidikan pondok kelas formal tahun (1894-1899) dan evolusi pendidikan madrasah bercorak sekolah (1900-1940-an).

Evolusi Sejarah Perkembangan Pendidikan Islam Di Negeri Selangor (1800-1940-an



Rajah 1.1: Dua evolusi sejarah perkembangan Pendidikan Islam di Negeri Selangor menerusi aspek kurikulum dan aspek pembangunan infrastruktur

¹ Ibn Khaldun, Muqaddimah Ibn Khaldun, terj. Prof.Tk. H. Ismail Yakub SH-MA (Singapura: Pustaka Nasional Pte, Ltd, 1983), 102.

² Abdullah Ishak, *Islam Di Nusantara* (Petaling Jaya Selangor: Jabatan Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 1992), 165-212.

³ *Ibid.*

⁴ Sumber dari galeri Muzium negeri Selangor mencatatkan Selangor sudah menerima pengaruh Islam megambilkira dari bukti kedatangan Tun Perak, Bendahara Melaka di Daerah Klang sebelum abad ke-14.

a) Pendidikan Islam tahun 1800 dengan Pendidikan Pondok Kelas Formal pada tahun 1894

Walaupun kajian penyelidikan lepas menjelaskan sistem sekolah pondok dikenali dengan sistem pendidikan tradisional namun satu perkara yang penyelidik ingin tekankan disini perbezaan tema pendidikan pondok kelas formal dengan pendidikan Islam tradisional. Pada abad ke-18 sistem pondok kelas formal di Tanah Melayu telah memiliki sukatan pelajaran bertahap walaupun beroperasi menerusi kaedah halaqah atau kaedah pelajar bersila dalam bulatan untuk menadah kitab dengan 'tok guru'⁵. Namun begitu sistem pendidikan Islam di Selangor masih dalam peringkat awal perkembangan terutama pada tahun 1800⁶ yang mana pada ketika ini mula wujud kampung-kampung baru di Selangor. Sementara itu, pondok-pondok masih belum wujud dan pengajian-pengajian agama hanya berlaku di surau-surau atau rumah-rumah guru. Contohnya di Sabak Bernam penduduk mula kelihatan mendiami tiga buah kampung iaitu Kampung Datuk Khalifah, Kampung Sabak Bernam dan Kampung Panchang Bedena⁷. Walaubagaimanapun dalam era 1960-an kelihatan sekolah-sekolah pondok mula wujud⁸. Berikut catatannya Franks pada tahun 1894 yang menyatakan terdapat tujuh buah kelas al-Quran di Selangor⁹. Maka penyelidik berpendapat sudah wujud kaedah kelas namun sukatan pembelajarannya hanya terhad kepada corak pengajian kelas al-Quran. Persoalan inilah yang ingin dirungkaikan dalam bahagian ini. Terdapat alasan penyelidik memberikan tema pendidikan pondok kelas formal. Antaranya ialah disebabkan ciri-ciri yang terdapat dalam kurikulum Pendidikan Islam era tahun 1800-1894 di Selangor:

Jadual 1.1: Perbezaan pendidikan Islam pada tahun 1800 dengan pendidikan pondok kelas formal di Selangor pada tahun 1894

KURIKULUM PENDIDIKAN ISLAM DI NEGERI SELANGOR ABAD KE-18	Ciri-ciri Pendidikan Islam pada tahun 1800 ¹⁰	Ciri-ciri Pendidikan pondok kelas formal pada tahun 1894
---	---	---

⁵ Azmi Omar, "In Quest of an Islamic Ideal of Education: A Study of the Role of the Traditional Pondok Institution in Malaysia" (Tesis kedoktoran, Temple University, 1993), xiii.

⁶ Md. Jani Naim, "Sekolah Agama Rakyat di Sabak Bernam Hingga 1945," (t.tp.1975), 52-61.

⁷ *Ibid*, 52.

⁸ Aisyah Abd. Rahim, "Tokoh Ulama Termasyhur Dalam Perkembangan Islam di Selangor Sebelum Merdeka(1900-1957): Satu Tinjauan Biografi," Jurnal al-Muqaddimah, bil. 2 (2) (2014), 92.

⁹ Informan 1(Penyelia Kanan Pentadbiran BPI, JAIS, Unit Arkib dan Dokumentasi) dalam temubual dengan penyelidik, 18 Januari 2019.

¹⁰ Md. Jani Naim, "Sekolah Agama Rakyat di Sabak Bernam Hingga 1945,"52-61.

<p>Sukatan pelajaran</p> <p>* sukatan pelajaran bertahap ialah sukatan pelajaran yang dimulai dengan peringkat rendah membaca al-quran dan menulis jawi dan tahap tinggi iaitu pengajian asas ilmu Islam seperti fiqh, tauhid, sejarah Islam, falsasah dan lain-lain.</p>	<p>1) Tidak bertahap dan bercorak kelas al-quran; belajar tajwid</p> <p>2) Tiada matapelajaran khusus</p>	<p>1) Bertahap dan bercorak kelas al-quran; belajar ibadah dan mengaji al-quran¹¹</p> <p>2) Terhadap kepada dua atau tiga matapelajaran asas agama; tauhid, Feqah, akhlak¹²</p>
---	---	---

Maka berdasarkan kedua-dua ciri pendidikan tersebut, penyelidik merungkaikan kemungkinan perkembangan Pendidikan Islam pra tahun 1800 tersebut yang membezakan istilah tradisional dengan pendidikan pondok kelas formal. Penggunaan tema pendidikan pondok kelas formal juga mengambilkira dapatan-dapatan daripada temubual yang ditemui dalam kajian ini. Manakala aspek yang paling ketara dalam tema ini adalah aspek kurikulum. Contohnya ciri perubahan yang kedua, perbezaan Pendidikan Islam 1800 dengan Pendidikan pondok kelas formal 1894, daripada tidak ada matapelajaran khusus kepada matapelajaran-pelajaran asas islami adalah berkisar dengan aspek kurikulum. Maka secara konklusinya penyelidik merumuskan perbezaan pendidikan Islam tahun 1800 dengan pendidikan pondok kelas formal pada tahun 1894 di Selangor ini menerusi aspek kurikulumnya.

a) Evolusi Pendidikan Pondok Kelas Formal (1894-1899)

Penyelidik lebih cenderung menyatakan corak kurikulum pendidikan tradisional yang terdapat di negeri-negeri Utara dan Timur Tanah Melayu pada abad ke-18¹³ berbeza dengan corak pendidikan pondok di negeri Selangor. Pondok-pondok di negeri Tanah Melayu dalam abad ke-18 ini kelihatan sudah memasuki fasa pendidikan pondok kelas formal menerusi pengajian bertahap. Iaitu pengajian yang dimulai dengan peringkat rendah membaca al-quran dan penulisan-penulisan jawi tahap tinggi¹⁴ dalam asas ilmu Islam seperti fiqh, tauhid, sejarah Islam, falsasah dan lain-lain¹⁵. Sebaliknya di negeri Selangor, corak pendidikan pondok sekitar tahun

¹¹ Ibid.

¹² Abdullah Ishak, *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995), 53. Lihat juga “Administrator”, dikemaskini pada 17 Januari 2018, laman sesawang Portal Rasmi Kerajaan Negeri Selangor, dicapai pada 23 Oktober 2018, <https://www.selangor.gov.my/index.php/pages/view/124>

¹³ Abdul Razak Mahmud, *Ikhtisar Sejarah Kelantan* (Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 2017), 169-187.

¹⁴ Md.Asmadi Yakob et.al, “Manuskrip Al-Qur’an Dan Ilmu-Ilmunya (*Ulum Al-Qur’an*) Di Alam Melayu : Tumpuan Terhadap Manuskrip Ilmu Tajwid (Perpustakaan Negara Malaysia, 2014), 1-10.

¹⁵ Wan Mohd. Soghir Abdullah, *Peranan Ulama-Ulama di Serambi Istana Alaeddin* (t.tp.), 1-22.

1860-an¹⁶ belum menunjukkan penggunaan mana-mana sistem peringkat pengajian. Corak pengajian di negeri Selangor sekitar tahun 1860-1890-an ini adalah corak pengajian al-quran¹⁷. Walaupun begitu, catatan Frank W.Haines, inspektor pendidikan Inggeris pada tahun 1894, menyatakan sebanyak 7 kelas al-quran sudah wujud di negeri Selangor¹⁸. Apa yang menarik perhatian penyelidik ialah kenyataan Frank ini menggambarkan seolah-olah pendidikan kelas al-quran tersebut menjurus kepada kaedah kelas formal. Ini bermakna pada tahun 1894 pendidikan pondok di negeri Selangor baru mula wujud dan berlangsung dalam pendidikan pondok kelas formal. Dari sinilah bermulanya evolusi pertama yang berlaku dalam sejarah perkembangan Pendidikan Islam di negeri Selangor menerusi aspek kurikulum.

Adapun sumber Frank ini menjadi asas kepada pengkaji-pengkaji sebelum ini bagi merumuskan satu corak pengajian Pendidikan Islam di Selangor semasa abad ke-18¹⁹. Namun daripada penelitian penyelidik, kebanyakan pengkaji tidak membincangkan berkaitan konsep pengajian al-quran ini secara mendalam di negeri Selangor. Justeru itu, penyelidik telah mengkaji ciri-ciri pengajian ini dan telah menemui data baru dalam konsep pengajian al-quran era 1800 ini. Walaubagaimanapun corak pengajian al-quran era 1800 ini kelihatan kian berubah pada zaman pemerintahan Almarhum Sultan Ala'eddin Sulaiman Shah, Sultan Negeri Selangor ke-lima (1898-1938)²⁰. Sumber menukilkan juga bahawa baginda telah menambah sukatan matapelajaran Pendidikan Islam daripada mempelajari al-quran kepada matapelajaran Ibadah, Tauhid dan Akhlak dalam kelas pengajian tersebut²¹. Sumber daripada tulisan Md.Jani Naim²² melakarkan cetusan perubahan ini sebenarnya berkait juga dengan kebolehan guru-guru al-quran di kampung-kampung di daerah negeri Selangor seperti Haji Mahmud dari Kampung Baharu Sabak Bernam, Kiai Mansur dari Batu 38, Kiai Nawawi dan Haji Karie dari Kampung Batu 36. Maka dalam evolusi pertama ini penyelidik dapat menyimpulkan bahawa kedatangan Islam, kecenderungan istana, kebolehan guru-guru al-quran adalah faktor-faktor yang menampilkan corak perkembangan Pendidikan Islam pondok kelas formal pada abad ke-18 di negeri Selangor.

¹⁶ Era 1960-an ialah era pertumbuhan institusi pondok di negeri Selangor memandangkan kedatangan ulama-ulama dari Sumatera berlaku dalam era pemerintahan sultan Selangor ketiga, iaitu Sultan Mahmud (1825-1857). Antaranya Syekh Abdul Ghani Bin Subuh bin Ismail al-Bimawi (Bima) Sunbawa. Lihat juga dalam Aisyah Abd. Rahim, "Tokoh Ulama Termasyhur Dalam Perkembangan Islam di Selangor Sebelum Merdeka (1900-1957): Satu Tinjauan Biografi," Jurnal al-Muqaddimah, bil. 2 (2) (2014), 92.

¹⁷ Md. Jani Naim, "Sekolah Agama Rakyat di Sabak Bernam Hingga 1945," (t.tp.1975), 52-61.

¹⁸ Dalam portal rasmi Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Bahagian Pendidikan Islam, mencatatkan 17 kelas al-quran walaubagaimanapun berdasarkan temubual penyelidik dengan informan satu, merupakan orang yang sama bertanggungjawab memberikan maklumat kepada *administrator* portal tersebut. Menurut beliau telah berlaku ralat yang merujuk kepada angka sebenar kelas al-quran di negeri Selangor yang wujud pada tahun 1894 tersebut adalah hanya 7 buah bukannya 17 buah seperti yang dicatat dalam portal. Lihat "Administrator", Portal Rasmi Kerajaan Negeri Selangor, dikemaskini pada 17 Januari 2018, dicapai pada 23 Oktober 2018, laman sesawang <https://www.selangor.gov.my/index.php/pages/view/124>


¹⁹ Mohamad Rabeh Abdullah, "Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Al-Azhar Di Sekolah Menengah Agama Jabatan Agama Islam Di Malaysia" (tesis Kedoktoran, Universiti Malaya, 2000), 16.

²⁰ "Selangor Genealogy", dicapai pada 20 Mac 2019 <https://www.royalark.net/Malaysia/selang5.htm>

²¹ Wan Mohd. Soghir Abdullah, Peranan Ulama-Ulama di Serambi Istana Alaeddin (t.tp.), 1-22. Lihat juga laman sesawang "Administrator", dikemaskini pada 17 Januari 2018, laman sesawang Portal Rasmi Kerajaan Negeri Selangor, dicapai pada 23 Oktober 2018, <https://www.selangor.gov.my/index.php/pages/view/124>

²² Md. Jani Naim, "Sekolah Agama Rakyat di Sabak Bernam Hingga 1945," (t.tp.1975), 52-61.

Rajah 1.2: Corak pendidikan Pondok di Tanah Melayu dan negeri Selangor Pada abad ke-18



EVOLUSI PENDIDIKAN MADRASAH BERCORAK SEKOLAH (1900-1940-AN)

Fasa perkembangan pendidikan madrasah ini terbahagi kepada dua bentuk iaitu era pendidikan madrasah yang bermula dari tahun 1905 sehingga 1935 dan era pendidikan madrasah bercorak sekolah yang bermula dari tahun 1936 sehingga 1940-an.

a) Pendidikan Madrasah dari tahun 1905 sehingga 1935

Dalam portal rasmi Jabatan Pendidikan Islam negeri Selangor merekodkan penubuhan Madrasah pertama yang ditubuhkan di tubuhkan di negeri Selangor ialah Madrasah Awamiyyah pada tahun 1930²³. Ia mengambil sempena nama pengasasnya iaitu Mohamad Awam bin Muhammad Rosli²⁴. Walaubagaimanapun dalam karya Md. Jani madrasah Awamiyyah ini mula didirikan ialah pada tahun 1905. Penubuhannya berdasarkan dua faktor. Pertama faktor pengenalan organisasi dalam sistem pendidikan Inggeris yang telah merangsang peralihan sistem pondok kepada sistem madrasah²⁵. Kedua faktor taraf kehidupan yang baik telah merangsang pemikiran ibu bapa bagi memikirkan masalah pendidikan agama untuk anak-anak mereka. Malah terdapat juga faktor luarannya yang berkait dengan kerisauan ibu bapa dengan pengaruh kristianisasi yang dibawa Inggeris. Lalu penubuhan Madrasah Awamiyyah kekal sebagai madrasah yang tunggal di negeri Selangor. Namun sejurus selepas itu, pada tahun 1930 muncul pula lima buah madrasah baru iaitu Madrasah Kampung Parit Baru tahun 1933, Madrasah Muhammadiyyah di Pekan Sabak Bernam tahun 1936, Madrasah Kampung Baharu tahun 1936, Madrasah Parit Lima, Sungai Besar tahun 1937 dan Madrasah di Pekan Sungai Besar tahun 1939²⁶.

b) Pendidikan Madrasah bercorak sekolah dari tahun 1936-1940

Dalam tempoh sepuluh tahun tersebut memperlihatkan lima buah madrasah muncul di negeri Selangor. Namun ciri-ciri pendidikan madrasah bercorak sekolah telah mula kelihatan apabila Madrasah Muhammadiyyah ditubuhkan pada tahun 1936. Madrasah ini memperlihatkan ciri-ciri fizikal bangunan konkrit dan separa kayu serta menggunakan khidmat tenaga guru serta kitab dari luar negeri. Maka berdasarkan bukti-bukti ini pendidikan madrasah bercorak sekolah sudah mula wujud di negeri Selangor sejak tahun 1936.²⁷ Adapun penyelidik lebih cenderung menggunakan tema pendidikan madrasah bercorak sekolah berasaskan pertumbuhan madrasah-madrasah bercorak sekolah di Tanah Melayu dalam era 1940-an²⁸. Antara faktor pemilihan tema ini juga adalah disebabkan corak pendidikan madrasah sebelumnya dalam tahun 1905-1935 itu sendiri yang kelihatan masih berada diperingkat awal perkembangan dan belum sempurna dari aspek fizikal, pentadbiran, kewangan, tenaga pengajar, tahap pengajian dan sukatan pelajarannya. Justeru itu, wujudnya tema pendidikan madrasah bercorak sekolah adalah disebabkan aspek-aspek sistem infrastrukturnya. Berdasarkan penelitian penyelidik terdapat enam perbezaan didalam sistem madrasah yang diamalkan di negeri Selangor dari tahun 1905 sehingga 1930 dengan sistem madrasah tahun 1930-1940. Antaranya aspek-aspeknya ialah:

²³ "Administrator", dikemaskini pada 17 Januari 2018, laman sesawang Portal Rasmi Kerajaan Negeri Selangor, dicapai pada 23 Oktober 2018, <https://www.selangor.gov.my/index.php/pages/view/124>

²⁴ Md. Jani Naim, "Sekolah Agama Rakyat di Sabak Bernam Hingga 1945," (t.tp.1975), 55

²⁵ *Ibid.*

²⁶ *Ibid.*

²⁷ Md. Jani Naim, "Sekolah Agama Rakyat di Sabak Bernam Hingga 1945," (t.tp.1975), 56

²⁸ Abdul Razak Mahmud, *Ikhtisar Sejarah Kelantan* (Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 2017), 169-187.

Jadual 1.2 : perbezaan sistem madrasah yang diamalkan di negeri Selangor dari tahun 1905 sehingga 1930 dengan sistem madrasah tahun 1930-1940.

Aspek-aspek dalam sistem Pendidikan Madrasah di negeri Selangor abad ke-19	Ciri-ciri Pendidikan Madrasah tahun 1905 sehingga 1930	Ciri-ciri Pendidikan Madrasah Bercorak Sekolah dari tahun 1936-1940
1) Fizikal	<ul style="list-style-type: none"> -Tidak mempunyai bangunan hanya berbentuk surau dan masjid -Kelengkapannya sekadar memenuhi keperluan guru untuk mengajar iaitu papan hitam, kapur, alat tulis dan kitab. -Tidak ada meja, bersial mengadap guru dan menulis dalam keadaan meniarap 	<ul style="list-style-type: none"> -Ada bangunan sendiri. Bangunan dua tingkat diperbuat daripada konkrit sebelah bawah dan atasnya diperbuat daripada kayu -Kelengkapannya sekadar memenuhi keperluan guru untuk mengajar iaitu papan hitam, kapur, alat tulis dan kitab. -Tidak ada meja dan menulis dalam keadaan meniarap
2) Pentadbiran	Pentadbir adalah ketua kampung dan penghulu-penghulu	Pentadbirnya mengikut jenis madrasah sama ada persendirian atau milik bersama. Jika milik bersama pentadbirnya terdiri daripada penghulu dan juga beberapa ahli jawatankuasa
3) Kewangan	<ul style="list-style-type: none"> -Kepunyaan penderma dan perbelanjaan sendiri -Sumbangan penduduk kampung berbentuk kebendaan dan kutipan zakat terutamanya zakat padi 	-Kepunyaan penderma dan perbelanjaan sendiri
4) Tenaga Pengajar	<ul style="list-style-type: none"> -Tidak menerima gaji -Penduduk memberikan saguhati seperti wakaf sebaris pohon kelapa. -Penuntut membantu guru secara sukarela dengan membelah kayu, mengangkat air, mebersihkan kawasan 	- Berkemampuan menggaji guru-guru dan syeikh-syeikh yang berbangsa Arab daripada Pualau Pinang

	<p>rumah, mencuci kebun dan lain-lain.</p> <p>-Terdiri daripada guru-guru tempatan yang telah tamat belajar di pondok-pondok luar di negeri Utara Tanah Melayu terutama Perak dan Kedah.</p>	
5) Tahap pengajian	<p>-Tiada peringkat umur</p> <p>-Tidak bercampur lelaki dan perempuan. Lelaki di dalam suarau perempuan di anjung.</p>	<p>-Terdapat dua darjah peringkat atas dan rendah walaupun bagaimanapun bukan syarat utama untuk memasuki madrasah</p> <p>-Susunan kelas bercampur lelaki dan perempuan</p>
6) Sukatan pelajaran	<p>-Memberi pelajaran asas agama Islam</p> <p>- Mengasuh anak-anak berakhlak mulia dan melatih mengerjakan ibadat dengan sempurna</p> <p>-Menyemai semangat kasih sayang kepada agama, bangsa dan negara</p>	<p>-Peringkat rendah 6-12 tahun- al-quran, Tauhid, feqah, Sejarah, Adab dan Bahasa Arab</p> <p>-Peringkat Atas tiada had umur– mendalami matapelajaran peringkat bawah dan penambahan matapelajaran baru iaitu soraf, Lughoh, Tafsir dan Balangah.</p> <p>-Bahasa pengantar bahasa Arab. Kitab menggunakan penterjemahan bahasa Melayu menerusi tulisan-tulisan tangan atas kitab oleh penuntut-penuntut semasa kelas berlangsung.</p>

Secara konklusinya corak pendidikan madrasah di negeri Selangor ini terdapat aspek-aspek yang menjurus kepada prinsip-prinsip kurikulum Pendidikan Islam. Walaupun bagaimanapun yang jelasnya bagi penyelidik, Dari sudut ciri-ciri pelaksanaan sistem kurikulum pendidikan bercorak madrasah di negeri Selangor era tahun 1905-1930 kelihatan masih menggunakan sistem pengajian bercorak al-quran kerana persamaan sukatanya berbentuk kurikulum pondok. Demikian juga dengan sistem pendidikan madrasah bercorak sekolah dari tahun 1936-1940 masih belum kelihatan ciri-ciri pelaksanaan kurikulum selain daripada kurikulum pondok.

c) Pendidikan madrasah bercorak sekolah era 1940-an

Sistem ini terus berkembang sehingga memasuki era tahun 1940-an apabila penubuhan madrasah yang bercorak sekolah di Selangor mendapat sokongan pemerintah sepenuhnya. Menurut pengamatan penyelidik salah seorang raja Selangor yang berkecenderungan dengan pembangunan pendidikan agama pada ketika itu ialah Sultan Ala'eddin Sulaiman Shah, Sultan Negeri Selangor ke-5(1898-1938)²⁹. Kredibiliti baginda sebagai raja muda dalam membangunkan pendidikan agama nampak terserlah disini apabila baginda merintis penubuhan sebuah sekolah agama perempuan di Kampong Bandar di daerah Kuala Langat. Walaupun ketika itu era pemerintahan almarhum Sultan Abdul Samad Ibni Almarhum Raja Abdullah (1857-1898-sultan pertama di Selangor yang diiktiraf oleh *Ruler in Council* pada 5 September 1879)³⁰. Semasa pemerintahan Sultan Ala'eddin Sulaiman Shah juga, *Madrasah Awamiah* (1930) telah dikenali di Kampung Sepintas, Sabak Bernam. Madrasah ini yang pertama diwujudkan di daerah Sabak Bernam. Seterusnya ditubuhkan pula Sekolah Agama Parit Baru pada tahun 1933. Dalam tahun berkenaan juga, sebuah Madrasah *Marta il Ulum al Diniah* telah ditubuhkan di Bandar Diraja Klang. Kemudian diikuti dengan penubuhan Madrasah Parit Lima Sungai Besar (1937). Penubuhan madrasah itu merupakan yang pertama menggunakan Pendidikan Arab sepenuhnya³¹.

Kemudian pada tahun 1942 semasa tentera Jepun memerintah Tanah Melayu kebanyakan madrasah-madrasah ini terpaksa ditutup kerana penderitaan dan kesempitan hidup³². Kebanyakan guru-guru madrasah dan masyarakat bertumpu kepada ikhtiar mencari rezeki³³. Situasi ini menyebabkan pendidikan-pendidikan madrasah juga berhenti walaupun pihak Jepun menggalakkan dan memberi peluang mengamalkan Islam secara bebas³⁴. Namun tidak lama selepas itu, berlaku pula peristiwa kekalahan tentera Jepun kepada British pada tahun 1946³⁵. Maka impak daripada peristiwa pengunduran Jepun ini seolah-olah memberikan nafas baru kepada pendidikan madrasah. Hal ini berdasarkan wujudnya *Madrasah Unwan al Saadah* di Kanchong Darat, Banting Kuala Langat dan *Madrasah Ahliah Othmaniah* untuk kaum wanita³⁶.

d) Pengaruh sistem pendidikan dari negara Timur Tengah

Jika disorot perbincangan ini dari awal, pendidikan madrasah bercorak sekolah seolah-olah memperlihatkan satu sistem pembelajaran dalam sekolah, yang masih mengadaptasi sukatan pembelajaran pondok. Namun era selepas pengunduran Jepun dari Tanah Melayu kelihatan membawa order baru terhadap perjalanan institusi pendidikan agama di negeri Selangor. Bermula tahun 1945 menampakkan wujudnya pembaharuan. Pembaharuannya bemula apabila

²⁹ Wan Mohd. Soghir Abdullah, Peranan Ulama-Ulama di Serambi Istana Alaeddin (t.tp.), 1-22. Lihat juga laman sesawang "Administrator", dikemaskini pada 17 Januari 2018, laman sesawang Portal Rasmi Kerajaan Negeri Selangor, dicapai pada 23 Oktober 2018, <https://www.selangor.gov.my/index.php/pages/view/124>

³⁰ Dokumentasi Arkib BPI (yawowsinzai),"Sejarah Pendidikan Islam", laman sesawang Portal Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Selangor, dicapai pada 13 November 2018, <http://pendidikan.jais.gov.my/arkib-sejarah-pendidikan-islam>

³¹ *Ibid.*

³² Md. Jani Naim, "Sekolah Agama Rakyat di Sabak Bernam Hingga 1945," (t.tp.1975), 56

³³ *Ibid.*

³⁴ *Ibid.*

³⁵ *Ibid.*

³⁶ *Ibid.*

sistem pendidikan agama madrasah mula belajar menerima pengaruh pendidikan bangsa asing. Iaitu dengan menggunakan kitab-kitab dari negara Mesir, Arab Saudi dan sebagainya. Menurut sumber dokumentasi dan temubual, pada tahun 1945 pendidikan Arab di Selangor ini dipelopori oleh al-Sayyid Abdul Azizi al-Syaimi al-Misri seorang pedagang Islam dari Tanah Arab selepas perang dunia kedua³⁷. Rentetan itu menyelidik memikirkan perkembangan pendidikan Arab dan kedatangan para pedagang Arab inilah yang mendorong pihak istana dibawah bidang kuasa Sultan agar menambahbaik sistem pengambilan guru agama di Selangor.

e) Campurtangan Inggeris dalam perkhidmatan guru agama di Selangor

Walaubagaimanapun dalam hal pendidikan Islam ini, pihak Inggeris kelihatan tidak mahu terpinggir, secara teknikalnya mereka tetap juga mahu mengambil peranan dalam aspek menyaring dan menemuduga bakal-bakal guru agama yang bakal mengajar di sekolah-sekolah tersebut. Contohnya sepertimana yang tercatat dalam dokumen fail Abdul Watab Sabil seorang guru agama yang menamatkan perkhidmatan pada tahun 1974 di Selangor³⁸. Menurut sumber fail beliau dan temubual dengan informan 1, Inggeris pernah menemuduga beliau sebagai *second religion teacher* pada tahun 1947³⁹.

f) Pengaruh Komunis dan penubuhan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)

Di samping itu, hal ini juga seolah-olah menampakkan sikap berhati-hati Inggeris dalam usaha membendung pengaruh komunis daripada menyerap masuk menerusi mana-mana sistem pendidikan pada ketika itu. Adapun logiknya langkah British, jika disorot perbincangan ini pada tahun 1945, bilamana usia penjajahan Tanah Melayu memasuki tiga tahun dibawah pemerintahan Jepun, sememangnya menampakkan orang-orang Melayu terlibat dengan pengaruh komunis⁴⁰. Menyedari kebimbangan ini juga, seorang raja Selangor ketika itu, iaitu Almarhum Sultan Hisamuddin Alam Syah al-Haj telah mengambil inisiatif untuk mengekang permasalahan tersebut⁴¹. Serentak pada tahun yang sama, baginda terus bertindak menanganinya segera menerusi penubuhan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Selangor (JAIS) bagi menyelenggara hal ehwal Pendidikan Islam di Selangor. Setiausaha pertamanya ialah Yang Mulia Raja haji Nong bin Raja Hussin⁴². Cetusan idea ini bukan sahaja kelihatan berjaya mengekang pengaruh Komunis dalam kalangan orang-orang Melayu malah membantu mengukuhkan kepercayaan akidah dan pemurnian akhlak anak-anak Melayu menerusi sistem pendidikan madrasah bercorak sekolah. Seterusnya menyaksikan madrasah-madrasah di Selangor turut sama mendapat perhatian oleh JAIS. Rentetan daripada itu, JAIS telah menyelaraskan madrasah-madrasah di negeri Selangor menerusi program Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) pada tahun 1953⁴³.

Cuma dalam aspek penyelarasan ini, sumber kajian tidak dapat menentukan secara mendalam sama ada dalam aspek penstrukturan pembangunan fizikal atau kurikulum madrasah.

³⁷ Wan Mohd. Soghir Abdullah, Peranan Ulama-Ulama di Serambi Istana Alaeddin (t.tp.), 11.

³⁸ Rekod Mengajar Guru, Dokumen 375/1950, Lantikan guru *Second Religion Teacher*, Sungai Serisik bertarikh 1 Februari 1947.

³⁹ *Ibid.*

⁴⁰ Jabatan Agama Islam Selangor, Profil Jabatan (t.tp.), 1.

⁴¹ *Ibid.*

⁴² *Ibid.*

⁴³ Tuan Hj. Mohammad Amir Bin Hj. Danuri dan Jawatankuasa Penulis Bahagian Pendidikan Islam Jabatan Agama Islam negeri Selangor (Kertas Dasar dan Hala Tuju Jabatan Agama Islam Negeri Selangor, 2010), 1.

Walaupun yang demikian terdapat aspek-aspek penyelarasan mikro yang diperolehi daripada temubual dengan informan. Penyelarasan tersebut ialah penyelarasan madrasah yang akan dibincangkan dalam fasa tahun 1950-an. Bermula dengan perolehan status rasmi penubuhan JAIS pada Januari tahun 1948⁴⁴ menerusi peranan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) memberikan petunjuk jelas kepada penyelidik bahawa kedua aspek tersebut iaitu pembangunan fizikal dan sukatan kurikulum kemungkinan termasuk dalam perancangan JAIS kerana lazimnya sesuatu pertubuhan pendidikan yang formal akan mempunyai aspek perancangan pembangunan fizikal dan kurikulum sebagai agenda utama⁴⁵. Berdasarkan dapatan kajian juga, Bahagian Pendidikan Islam (BPI) JAIS belum mempunyai rekod atau sebarang penulisan rasmi berkaitan kurikulum standard madrasah seluruh Selangor dalam era tahun 1940-an ini. Hal ini kemungkinan disebabkan aspek perancangan pembangunan fizikal lebih mendominasi dalam agenda penyelarannya. Bahkan ada kemungkinan BPI, JAIS pra penubuhan ini memiliki agenda tersendiri berkaitan perancangan alternatif bagi pembangunan kurikulum madrasah di negeri Selangor. Walaubagaimanapun hal ini akan diteruskan perbincangannya dalam fasa era 1950-an penulisan akan datang.

METODOLOGI DAN KAEDAH PENGUMPULAN DATA

Kajian ini menggunakan kaedah penumpulan data daripada sumber-sumber sekunder disamping sumber primer. Berdasarkan sumber sekunder penyelidik membuat kajian perpustakaan. Penyelidik memulakan pengumpulan data melalui kajian-kajian di perpustakaan dengan merujuk buku-buku yang berkait dengan sejarah Pendidikan Islam sama ada dalam bahasa Arab, Melayu dan Bahasa Inggeris. Bagi buku-buku yang diterbitkan dalam terjemahan bahasa Arab dan Bahasa Inggeris, penyelidik memilih buku-buku terjemahan yang telah disahkan oleh Dewan Bahasa Pustaka bagi mendapatkan maklumat-maklumat yang lebih berkualiti untuk intipati kajian ini. Manakala sumber primer bagi memperolehi maklumat berkaitan perkembangan Pendidikan Islam di Selangor khususnya penyelidik mengumpul minit-minit mesyuarat, laporan-laporan rasmi kerajaan Malaysia dari Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Islam negeri Selangor (JAIS).

Kemudian penyelidik mengadakan temubual dengan dua pegawai di dengan pegawai Bahagian Pendidikan Islam di Jabatan Agama Islam negeri Selangor (BPI JAIS). Penyelidik merujuk dengan dua pegawai Pendidikan yang mengendalikan bahagian sejarah Pendidikan Islam Selangor dan juga pegawai Kurikulum JAIS khusus bagi mendapatkan maklumat berkaitan perkembangan Kurikulum Pendidikan Islam negeri Selangor. Kemudian penyelidik menganalisis data temubual yang diperolehi menerusi perisian atlas.t.i version 8 untuk mengkategorikan tema-tema penting bagi mendapatkan data yang lebih terperinci. Manakala pengorganisasian data kualitatif artikel ini penyelidik telah menggunakan Model Interaktif Miles & Huberman, (1994)⁴⁶. Dalam analisis data penyelidik menggunakan metod analisis data Crabtree dan Miller (1992)⁴⁷. Iaitu analisis suntingan dan analisis jenis kerangka (template). Kedua-duanya menggunakan prinsip yang sama, tetapi berbeza dari segi pengekodan dan cara menginterpretasi datanya.

⁴⁴ Jabatan Agama Islam Selangor, Profil Jabatan (t.tp.), 1.

⁴⁵ Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia, "Budaya Kerja Kelas Pertama" (Putra Jaya: Bahagian Perkhidmatan Psikologi, 2007), 10-13. Lihat juga Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2023.

⁴⁶ Miles dan Huberman, *Qualitative data analysis*, ed. Ke2 (London Sage, 1994).

⁴⁷ *Ibid.*

Kedua-dua sumber sekunder dan primer ini akan dirujuk sebagai sumber maklumat bagi penulisan artikel ini. Walaupun wujud pelbagai kekangan pada peringkat permulaan kajian namun kajian ini telah membuka ruang yang cukup luas untuk penemuan-penemuan baru dalam sejarah perkembangan Pendidikan Islam di negeri Selangor. Sudah tiba masanya segala data dan laporan dokumen daripada individu dan organisasi yang berautoriti menjadi sejarah yang perlu didokumenkan dengan lebih sistematik.

KESIMPULAN

Jika ditinjau dari sudut sejarah, berdasarkan data-data yang telah diperolehi maka penyelidik dapat merumuskan bahawa sejarah perkembangan Pendidikan Islam di negeri Selangor mempunyai nilainya yang tersendiri. Namun penemuan yang paling ketara disini ialah aspek kurikulum dan pembangunan infrastrukturnya. Bermula dengan era 1800-1894, langkah proses pra evolusi perkembangannya bergerak dalam mobiliti aspek kurikulum al-quran. Kemudiannya yang menyaksikan pula evolusi pertama Pendidikan Islam di Selangor mula membuka tirainya pada tahun 1894-1899 menerusi faktor kecenderungan raja-raja Selangor terhadap Pendidikan Islam. Selepas itu tirai evolusi kedua dalam era 1900-1940-an menginjak lagi menerusi aspek pembangunan infrastrukturnya. Dalam tempoh ini juga telah memperlihatkan Pendidikan Madrasah yang membentuk dua fasa perkembangan iaitu fasa Pendidikan Madrasah dari tahun 1905 sehingga 1935 dan Pendidikan Madrasah bercorak sekolah dari tahun 1936-1940. Kemudian dalam fasa 1940-an sejarah Pendidikan Islam berkembang lagi kerana faktor pengaruh sistem pendidikan dari Timur tengah, kebimbangan pengaruh komunis yang membawa kepada penubuhan JAIS dan riak kemelut politik Inggeris dalam urusan perkhidmatan guru agama. Akhirnya faktor-faktor ini telah menemukan dua aspek transformasi kurikulum dan aspek pembangunan infrastruktur yang berperanan membentuk dua era evolusi perkembangan Pendidikan Islam di negeri Selangor dari tahun 1800 sehingga 1940an.

RUJUKAN

- Abdul Razak Mahmud, *Ikhtisar Sejarah Kelantan* (Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 2017).
- Abdullah Ishak, *Islam Di Nusantara* (Petaling Jaya Selangor: Jabatan Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 1992).
- Abdullah Ishak, *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995), 53. Lihat juga “Administrator”, dikemaskini pada 17 Januari 2018, laman sesawang Portal Rasmi Kerajaan Negeri Selangor, dicapai pada 23 Oktober 2018, <https://www.selangor.gov.my/index.php/pages/view/124>
- Aisyah Abd. Rahim, “Tokoh Ulama Termasyhur Dalam Perkembangan Islam di Selangor Sebelum Merdeka(1900-1957): Satu Tinjauan Biografi,” *Jurnal al-Muqaddimah*, bil. 2 (2) (2014).
- Azmi Omar, “In Quest of an Islamic Ideal of Education: A Study of the Role of the Traditional Pondok Institution in Malaysia” (Tesis kedoktoran, Temple University, 1993).
- Ibn Khaldun, *Muqaddimah Ibn Khaldun*, terj. ‘Prof.Tk. H. Ismail Yakub SH-MA (Singapura: Pustaka Nasional Pte, Ltd, 1983).

Jabatan Agama Islam Selangor, Profil Jabatan (t.tp.).

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia, “Budaya Kerja Kelas Pertama” (Putra Jaya: Bahagian Perkhidmatan Psikologi, 2007), 10-13. Lihat juga Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2023.

Md. Jani Naim, “Sekolah Agama Rakyat di Sabak bernam Hingga 1945,”.

Md.Asmadi Yakob et.al, “Manuskrip Al-Qur’an Dan Ilmu-Ilmunya (Ulum Al-Qur’an) Di Alam Melayu : Tumpuan Terhadap Manuskrip Ilmu Tajwid (Perpustakaan Negara Malaysia, 2014).

Miles dan Huberman, Qualitative data analysis, ed. Ke2 (London Sage, 1994).

Mohamad Rabeh Abdullah,” Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Al-Azhar Di Sekolah Menengah Agama Jabatan Agama Islam Di Malaysia” (tesis Kedoktoran, Universiti Malaya, 2000),

Rekod Mengajar Guru (Abdul Watab Sabil), Dokumen 375/1950, Lantikan guru Second Religion Teacher, Sungai Serisik bertarikh 1 Februari 1947.

Selangor Genealogy, dicapai pada 20 Mac 2019 <https://www.royalark.net/Malaysia/selang5.htm>

Tuan Hj. Mohammad Amir Bin Hj. Danuri dan Jawatankuasa Penulis Bahagian Pendidikan Islam Jabatan Agama Islam negeri Selangor (Kertas Dasar dan Hala Tuju Jabatan Agama Islam Negeri Selangor, 2010).

Wan Mohd. Soghir Abdullah, Peranan Ulama-Ulama di Serambi Istana Alaeddin (t.tp.).